

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	19 June 2015

Dakwaan bekas PM tidak berasas

KUALA LUMPUR 18 Jun - Dakwaan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa UMNO tidak membuka peluang kepada golongan profesional untuk menyertai parti adalah tidak berasas memandangkan parti itu kini mempunyai ramai ahli daripada golongan cendekiawan.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin berkata, keterbukaan parti itu untuk menerima ahli daripada golongan intelektual dapat dilihat melalui penyertaan secara aktif kumpulan berkenaan dalam sayap Pemuda, Puteri dan Wanita.

"Saya tidak bersetuju dengan apa yang disebut Dr. Mahathir dalam temu bual beliau dengan *The New York Times* berkenaan UMNO iaitu beliau menyebut



Kalau kita lihat hari ini, bukan sahaja UMNO, malah baik Pemuda, Puteri atau Wanita juga kita melihat pelbagai golongan profesional dan cendekiawan sedang aktif dalam parti."

KHAIRY JAMALUDDIN
Ketua Pergerakan Pemuda UMNO

UMNO tidak memberi ruang kepada profesional, golongan intelektual memasuki parti.

"Kalau kita lihat hari ini, bukan sahaja UMNO, malah baik Pemuda, Puteri atau Wanita juga kita melihat pelbagai golongan profesional dan cendekiawan sedang aktif dalam parti," katanya sebagaimana dipetik daripada Buletin Utama malam ini.

Khairy yang juga Menteri Belia dan Sukan mengulas kenyataan Dr. Mahathir dalam temubual bersama *The New York Times* semalam yang mendakwa UMNO kini kekurangan individu yang berkebolehan kerana dimonopoli oleh ahli politik yang mahu berkuasa.

Menurut Dr. Mahathir, kumpulan tertentu atau 'Napoleon kecil' yang wujud di dalam UMNO cuba untuk menghalang individu-individu yang bijak dan berkebolehan daripada menyertai parti itu.